



## KONVENSYEN PEMERKASAAN EKONOMI KOMUNITI BANDAR



Pada 30 September 2019, Konvensyen Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) telah berlangsung di Tabung Haji Convention Centre, Alor Setar, Kedah. Konvensyen ini disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir bersama-sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Hajah Zuraida Kamaruddin. Program ini diadakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah (B40) menjana pendapatan sebagai usahawan di samping meningkatkan taraf hidup.

Menerusi ucapan YB Hajah Zuraida, program ini bertujuan melatih usahawan kecil yang bermula daripada bawah tanpa melibatkan kriteria besar seperti memerlukan premis dan juga penyata kewangan bank. Beliau juga berkata, lokasi golongan B40 lebih banyak di negeri Kedah dan mempunyai potensi tinggi dalam mengembangkan ekonomi negeri dan negara melalui industri kecil ini.

Beliau turut menjelaskan sepuluh bidang yang ditawarkan kepada golongan ini iaitu makanan dan minuman, bakeri, jahitan, salon atau spa, perkhidmatan dobi dari rumah, landskap, kimpalan, asuhan kanak-kanak dan peruncitan dan perkhidmatan pembaikan barangan elektrik dan elektronik.



Selain itu, peserta program ini adalah mereka yang berdaftar di dalam sistem e-Kasih seramai 11,000 peserta dan sepuluh peratus daripada itu adalah bukan dalam kalangan Bumiputera telah memanfaatkan peluang yang diberikan kepada mereka. Terdapat juga peserta yang bermula dari tepi jalan namun kini mampu meraih sehingga ribuan ringgit sebulan hasil daripada pemerkasaan ekonomi yang digerakkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.